

Cai Lin idam acara 800m Olimpik

Putrajaya: Perenang senior negara, Khoo Cai Lin berharap mampu melayakkan diri dalam acara 800 meter (m) gaya bebas wanita pada beberapa kejohanan awal tahun depan bagi membolehkannya bertanding pada Sukan Olimpik Rio 2016.

Setakat ini, atlet berusia 27 tahun itu sudah menempah slot ke Rio menerusi acara 400m gaya bebas dengan catatan masa 4 minit 17.79 saat yang dilakukannya di Sukan SEA, Singapura, baru-baru ini.

“Untuk ke Rio, saya sudah layak untuk acara 400m gaya bebas, tapi saya perlu rendahkan catatan masa saya lagi dan pada masa sama mampu untuk layak dalam acara 800m.

“Saya masih ada beberapa kejohanan untuk membolehkan saya layak dalam acara 800m. Tahun ini saya hanya dalam proses untuk terus kekal cergas sebelum menyertai semua kejohanan bermula Januari depan,” katanya pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2015 di sini, semalam.

Penuntut Taylor's University itu menerima wang tunai bernilai RM4,250 selepas mun-



Idris (tengah) **bergambar bersama** Saritha Cham Nong (kiri) dan Cai Lin pada majlis anugerah kecemerlangan sukan IPT 2015 di Putrajaya, semalam.

cul atlet paling cemerlang di temasya Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2014, Palembang Indonesia dengan pungutan 2 pingat emas, 2 perak dan 1 gangsa.

Pemanah compound negara, Saritha Cham Nong dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pula meraih RM6,000 apabila berjaya membawa pulang satu emas di AUG 2014, Palembang serta satu pingat

perak di Kejohanan Universiti Dunia (WUC) 2014 di Legnica, Poland.

Seramai 196 atlet IPT yang terlibat dalam tiga kejohanan antarabangsa iaitu WUC 2014, AUG 2014 di Palembang, Indonesia dari 30 hingga 12 Disember 2014 serta Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE) 2015 di Gwangju, Korea Selatan dari 3 hingga 14 Julai lalu.

Juara Universiti ASEAN

Sementara itu, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata pihaknya menyasarkan kontinjen negara menjadi juara keseluruhan pada Sukan Universiti ASEAN 2016 Singapura untuk membuktikan kecemerlangan sukan IPT, bukan saja di dalam negara malah di peringkat antarabangsa. - **Oleh Mohd Khairie Khalid**